

**PRK Kajang: Pengundi Kajang Perlu Bijak Menilai - Hishammuddin
Bernama
23Feb 2014**

KAJANG, 23 Feb (Bernama) -- Pengundi di Kajang harus mengambil iktibar terhadap tindakan pembangkang yang beberapa kali mengosongkan kerusi kawasan mereka meskipun amanat sebagai calon kawasan telah dipilih oleh pengundi.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein yang juga Naib Presiden Umno berkata masyarakat harus sedar dan menilai siapa yang benar-benar ikhlas dalam perjuangan membela nasib rakyat.

"Dahulu di Permatang Pauh, sekarang di Kajang...Apa sebab nak susahkan orang dengan kosongkan kerusi tanpa ada alasan kukuh.

"Orang boleh nilai sama ada mereka betul-betul ikhlas atau sebaliknya sedangkan slogan mereka kononnya mahu bela rakyat tetapi bazirkan duit berjuta untuk adakan Pilihan Raya Kecil (PRK) walhal wakil rakyat telah pun dipilih dalam Pilihan Raya Umum lepas," katanya.

Hishammuddin bercakap kepada pemberita selepas lawatan sempena gotong royong dan sumbangan bantuan kepada penduduk di Kampung Sri Jambu, di sini, hari ini.

Kerusi Dewan Undangan Negeri Kajang kosong selepas penyandanginya Lee Chin Cheh daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR) meletak jawatan pada 27 Jan lepas bagi memberi laluan kepada Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim bertanding di kerusi itu.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 11 Mac depan sebagai hari penamaan calon dan hari pengundian 23 Mac.

Mengenai PRK itu, Hishammuddin berkata Barisan Nasional bertanding untuk menang walaupun turun sebagai 'underdog'.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1016834>